

# MAJLIS HAPPY HOUR WISMA AHLI UDARA PU SUBANG

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4046-majlis-happy-hour-wisma-ahli-udara-pu-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4046-majlis-happy-hour-wisma-ahli-udara-pu-subang)

SUBANG, 24 Okt 18 – Majlis Happy Hour Wisma Ahli Udara (WAU) PU Subang telah dilaksanakan di Wisma Ahli Udara, Pangkalan Udara Subang. Aktiviti yang julung-julung kalinya diadakan ini turut dihadiri oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM, Pegawai-pegawai Memerintah Skuadron dan Ketua-ketua Cawang.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Timbalan YDP WAU iaitu Kpl U Mohd Shuhada bin Salleh dari No 22 Skuadron dan diikuti dengan ucapan perasmian oleh Komander Pangkalan. Turut diadakan penyerahan sumbangan khairat kematian WAU kepada ahli wisma.

Majlis yang berkonsepkan BBQ ini merupakan majlis yang pertama diadakan bagi tahun 2018 setelah pengubahsuaian bangunan wisma siap dilaksanakan. Semoga aktiviti sihat seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa yang akan datang.



